

Mahathir sindir sifat2 kenegerian dalam politik

LUM 14 MARI 1988

KUALA LUMPUR 13 Mac — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini membuat beberapa sindirap tajam yang menggambarkan perasaan tidak senangnya terhadap "sifat-sifat kenegerian" dalam politik sekarang dan juga tentang "salah faham yang membawa ketegangan" dalam negara.

Ucapannya selama 15 minit ketika merasmikan pameran "Retrospektif hasil karya pelukis terkenal, Ibrahim Hussein, disaluti dengan bahasa-bahasa kiasan yang menculik hati para hadirin tetapi membawa makna yang lebih mendalam.

Perdana Menteri memulakan ucapannya dengan nada berseloroh apabila beliau menyebut harapannya untuk menjadi Perdana Menteri selama 33 tahun lagi.

"Saya harap saya akan terus menjadi Perdana Menteri 33 tahun lagi. Pada ketika itu, jika ada permohonan untuk melanjutkan tempoh bangunan ini (Balai Seni Lukis Negara) sebagai pusat kesenian, saya akan terus luluskan.

"Sekiranya pada masa 33 tahun itu, saya masih ada kerja, saya sudah tentu akan melanjutkan tempoh bangunan ini," katanya dengan disambut oleh tepukan gemuruh para pencinta seni yang hadir termasuk Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Sharir Abdul Samad dan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Datuk Dr. Sulaiman Daud.

Ini sebagai jawapan kepada ucapan Pengerusi Lembaga Amanah Balai Seni Lukis Negara, Datuk Azman Hashim sebelum itu yang merayu agar kerajaan melanjutkan sehingga 99 tahun tempoh balai seni yang kini dibenarkan bertempat di ba-

Oleh Idzaa Ismail

ngunan bekas Majestic Hotel selama 33 tahun dengan sewa nominal \$10 sahaja.

Perdana Menteri kemudian menyentuh tentang Ibrahim Hussein yang disifatkannya sebagai pelukis yang bukan sahaja terkenal di Malaysia tetapi juga di seluruh dunia dan yang lebih membanggakannya ialah sebab beliau juga berasal dari Kedah.

"Jika saya hendak mengikut sifat-sifat kenegerian (parochial) sekarang, saya berbangga Ibrahim datang daripada Kedah (negeri tempat lahir saya). Jelaslah orang Kedahpun ada yang boleh melukis."

"Orang kata di Kedah ini, ramai orang yang mempunyai dua tangan kiri dan ibu jari (ungkapan Inggeris yang bermakna tidak mempunyai kemahiran). Jarang sekali terdapat orang Kedah yang boleh melukis, dan ada seorang-pun cukuplah," ujarnya.

Datuk Sri Dr. Mahathir kemudian beralih kepada soal lukisan modern art sambil berkata beliau tidak memahami konsep modern art itu dan ini menyebabkan timbulnya salah faham di antaranya dengan anak-anaknya yang arif tentang modern art.

"Kadang-kadang saya menghadapi masalah apabila berbincang tentang modern art ini dengan anak-anak saya yang nampaknya faham tentang modern art. Saya tidak faham dan terjadilah satu generation gap."

"Apabila saya membuat komen yang tidak menyenangkan mereka, terjadilah ketegangan dalam rumah saya. Oleh demikian topik seni lukisan ini adalah satu topik yang jarang diperkatakan semasa waktu makan," tambahnya diikuti dengan gelak ketawa para hadirin.

Perdana Menteri kemudian menambah: "Nampaknya ketegangan bukan sahaja berlaku dalam rumah, tetapi juga di luar rumah."